



30 Disember 2025
30 December 2025
P.U. (A) 468

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
(PINDAAN) (NO. 4) 2025

*EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT)
(NO. 4) RULES 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) (NO. 4) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) (No. 4) 2025**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Pindaan kaedah 41

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*P.U. (A) 493/1991*] dipinda dalam kaedah 41 dengan memasukkan selepas subkaedah (10ZR) subkaedah yang berikut:

“Ahli Kumpulan Wang beragama Islam telah menerima surat tawaran untuk menunaikan haji.
(10ZS) Jika suatu notis pengeluaran dibuat di bawah perenggan 54(6)(*ga*) Akta atas alasan bahawa ahli Kumpulan Wang yang beragama Islam telah menerima surat tawaran daripada Lembaga Tabung Haji untuk menunaikan haji dan memerlukan pembiayaan bagi menampung kos menunaikan haji, ahli Kumpulan Wang yang beragama Islam itu hendaklah mengemukakan notis pengeluaran itu kepada Lembaga bersama-sama apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(10ZT) Jika Lembaga berpuas hati dengan notis pengeluaran yang dikemukakan oleh ahli Kumpulan Wang yang beragama Islam itu di bawah subkaedah (10ZS), Lembaga boleh membenarkan ahli Kumpulan Wang yang beragama Islam itu untuk mengeluarkan suatu amaun yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau amaun yang ada pada kredit dalam Akaun II ahli Kumpulan Wang yang beragama Islam itu, mengikut mana-mana yang lebih rendah.

(10ZU) Amaun pembiayaan yang disebut dalam subkaedah (10ZT) hendaklah dibayar ke dalam akaun ahli Kumpulan Wang yang beragama Islam itu di Lembaga Tabung Haji.”.

Dibuat 29 Disember 2025

[MOF.SBM(R)600-41/39/91 Jld.5; PN(PU2)498/JLD.20]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Pengerusi
Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) (NO. 4) RULES 2025

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Employees Provident Fund Act 1991 [*Act 452*], the Board makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Employees Provident Fund (Amendment) (No. 4) Rules 2025**.

(2) These Rules come into operation on 1 January 2026.

Amendment of rule 41

2. The Employees Provident Fund Rules 1991 [*P.U. (A) 493/1991*] are amended in rule 41 by inserting after subrule (10ZR) the following subrules:

“Muslim member of Fund has received letter of offer to perform *haj*. (10ZS) Where a notice of withdrawal is made under paragraph 54(6)(*ga*) of the Act on the ground that a muslim member of the Fund has received the letter of offer from Lembaga Tabung Haji to perform the *haj* and requires financing for the cost of performing the *haj*, the muslim member of the Fund shall submit the notice of withdrawal to the Board together with any document as determined by the Board.

(10ZT) Where the Board is satisfied with the notice of withdrawal submitted by the muslim member of the Fund under subrule (10ZS), the Board may authorize the muslim member of the Fund to withdraw an amount not exceeding ten thousand ringgit or an amount standing to the credit in Account II of the muslim member of the Fund, whichever is lesser.

(10ZU) The financing amount referred to in subrule (10ZT) shall be paid into the account of the muslim member of the Fund at the Lembaga Tabung Haji.”.

Made 29 December 2025

[MOF.SBM(R)600-41/39/91 Jld.5; PN(PU2)498/JLD.20]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Chairman

Employees Provident Fund Board